



KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019 PERATURAN PERTANDINGAN PETANQUE (LELAKI/WANITA)

1. PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang yang dikeluarkan oleh **Persekutuan Petanque Malaysia (PPM) dan International Federation of Petanque Jue Provencal (FIPJP)** yang sedia terpakai dan pindaan-pindaannya.
- 1.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3. Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :
 - 1.3.1. Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM KEJOHANAN SUKSES 2019.**
- 1.4. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal akan Pertandingan Petanque Kejuhanan SUKSES 2019 adalah **muktamad.**

2. TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1. **6hb hingga 9hb Ogos 2019**

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. **SMK SUNGAI RAWANG, SUNGAI PELEK, SEPANG**

4. PENYERTAAN

- 4.1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan daerah di Negeri Selangor. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing.
- 4.2. Setiap daerah hanya boleh menghantar satu (1) pasukan seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Pengurus Pasukan	1 orang
2.	Jurulatih Pasukan	2 orang
3.	Atlet Lelaki	7 orang
4.	Atlet Wanita	7 orang
JUMLAH		17 orang

4.3. Acara Berpasukan

- 4.3.1. Setiap pasukan boleh mendaftarkan tujuh (7) orang pemain termasuk seorang pemain simpanan dalam acara berpasukan.
- 4.3.2. Seorang pemain hanya boleh bermain untuk satu acara sahaja pada setiap perlawanan.
- 4.3.3. Pemain gantian hanya dibenarkan untuk acara *double* atau *triple* sahaja
- 4.3.4. Pertukaran pemain boleh dibuat pada bila-bila masa selepas tamat sesuatu *end*.

4.4. Acara Individu

- 4.4.1. Seorang pemain boleh mengambil bahagian dalam lebih daripada satu acara. **(Maksima 3 acara tidak termasuk acara berpasukan)**
- 4.4.2. Tiada pertukaran pemain dibenarkan selepas pendaftaran acara individu dilakukan.

- 4.5. Setiap negeri boleh menghantar penyertaan dengan kadar maksimum seperti berikut ;

Acara	Shooting	Single	Double	Triple	Mixed Double
Bil Penyertaan (Kategori Lelaki)	2 orang	2 orang	2 pasukan (4 orang)	2 pasukan (6 orang)	1 pasukan (2 orang)
Bil Penyertaan (Kategori Wanita)	2 orang	2 orang	2 pasukan (2 orang)	2 pasukan (6 orang)	

- 4.5.1. Pemain bagi acara single tidak dibenarkan bermain dalam acara **Double**. Pemain acara **Mixed Double** tidak dibenarkan bermain acara **Triple**. (kedua-dua acara ini dijalankan serentak pada hari yang sama)

- 4.5.2. Tiada pemain gantian dibenarkan dalam acara individu.

5. KELAYAKAN PESERTA

- 5.1. Hanya warganegara Malaysia yang bermastautin atau bekerja atau belajar di Negeri Selangor sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 5.2. Peserta hendaklah berumur bawah 20 tahun pada tarikh kejohanan atau lahir pada tahun 1999 dan selepasnya.

6. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

6.1. Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada **satu (1)** hari sebelum pertandingan pertama dijalankan atau tarikh yang akan ditetapkan.

Tarikh : **29 Julai 2019**
Masa : **3.00 petang**
Venue : **SMK SUNGAI RAWANG, SUNGAI PELEK, SEPANG**

6.2. Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dan Kad Pengenalan yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.

6.3. Pertukaran nama-nama pemain boleh dilakukan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.

6.4. Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7. ACARA-ACARA

7.1. Sebelas (11) acara akan dipertandingkan mengikut kategori-kategori berikut;

BIL	KATEGORI LELAKI
1	Berpasukan
2	Shooting
3	Single
4	Double
5	Triple

BIL	KATEGORI WANITA
1	Berpasukan
2	Shooting
3	Single
4	Double
5	Triple

BIL	KATEGORI CAMPURAN
1	Mixed Double

8. SISTEM PERTANDINGAN

8.1. Pusingan awal akan dijalankan secara double knockout.

8.2. Pusingan akhir akan dijalankan secara kalah mati.

- Tertakluk kepada Jawatankuasa Pertandingan.

9. PENENTUAN KEMENANGAN

9.1. Kemenangan ditentukan berdasarkan jumlah pungan mata bagi semua kategori.

10. PAKAIAN

10.1. Setiap pemain mestilah memakai seluar "**slack**" atau seluar "**track**", **berbaju t-shirt berkolar dan berkasut sukan.**

10.2. Seluar "**jeans**" adalah tidak dibenarkan.

11. PEGAWAI PERTANDINGAN / TEKNIKAL

11.1. Pegawai Pertandingan dan Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Petanque Negeri Selangor (Baru).

12. BANTAHAN RASMI

12.1. Segala bantahan hendaklah dibuat secara lisan terlebih dahulu kepada Pegawai Pertandingan / Teknikal.

12.2. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disertakan wang bantahan sebanyak **RM 500.00 tunai.**

12.3. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan.

12.4. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah pertandingan dalam masa 30 minit selepas sesuatu perlawanan itu tamat.

13. JAWATANKUASA RAYUAN

13.1. Ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan adalah seperti berikut :-

13.1.1. Ahli Jawatankuasa akan ditentukan oleh Persatuan Petanque Negeri Selangor (Baru)

13.1.2. Jawatankuasa Rayuan akan bersidang dalam masa sepuluh (10) minit setelah menerima laporan dari Pegawai Pertandingan/ Teknikal dan akan membuat sesuatu keputusan jika perlu.

13.1.3. Jawatankuasa Rayuan berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

14. HADIAH-HADIAH

14.1. Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA
LELAKI				
1.	Individu (Single)	1	1	2
2.	Bergu (Double)	1 (2)	1 (2)	2 (4)
3.	Trio (Triple)	1 (3)	1 (3)	2 (6)
4.	Shooting	1	1	2
WANITA				
1.	Individu (Single)	1	1	2
2.	Bergu (Double)	1 (2)	1 (2)	2 (4)
3.	Trio (Triple)	1 (3)	1 (3)	2 (6)
4.	Shooting	1	1	2
MIX DOUBLE		1 (2)	1 (2)	2 (4)
BERPASUKAN				
1.	Lelaki	1 (7)	1 (7)	2 (14)
2.	Wanita	1 (7)	1 (7)	2 (14)
JUMLAH KESELURUHAN		11 (30)	11 (30)	22 (60)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

(Pengurusan Acara : KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) ke-13, 2019)